

KELESTARIAN PELANCONGAN EKOLOGI DI TAMAN AWAM TELUK LIKAS, SABAH, MALAYSIA: SATU KAJIAN KES

(SUSTAINABILITY ECOTOURISM AT TAMAN AWAM TELUK LIKAS IN SABAH, MALAYSIA: A CASE
STUDY)

SULANG, E. A.¹ – RAJASEGARAM, A.² – HUA, A. K.^{1,2*}

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia.*

² *Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: angkeanhua888[at]um.edu.my*

(Received 23rd May 2025; revised 03rd August 2025; accepted 11th August 2025)

Abstrak. Kajian ini mengkaji potensi Taman Awam Teluk Likas yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah, sebagai destinasi pelancongan ekologi, dengan memberi tumpuan kepada faktor tarikan pelancong, tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan, dan impak ekopelancongan terhadap alam sekitar. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (mixed-method), menggabungkan kaedah pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif. Alat pengumpulan data utama ialah soal selidik berstruktur yang diedarkan kepada 50 responden, termasuk pelancong tempatan dan antarabangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keindahan alam semula jadi taman ini, terutamanya pemandangan dan biodiversiti, merupakan faktor tarikan utama bagi pelancong. Trek pejalan kaki dan berbasikal, serta gerai makanan, juga dikenal pasti sebagai tarikan utama. Tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan adalah tinggi, terutamanya berkaitan dengan gerai makanan dan lokasi taman. Walau bagaimanapun, beberapa aspek seperti kemudahan pendidikan dan pengurusan sisa domestik memerlukan penambahbaikan. Kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti ekopelancongan memberi impak positif terhadap pemeliharaan sumber alam semula jadi, tetapi terdapat kebimbangan mengenai kerosakan alam sekitar akibat peningkatan sampah, terutamanya dari pelancong domestik. Dapatan ini menekankan perlunya pengurusan sisa yang lebih baik dan peningkatan kesedaran pelancong mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Kajian ini menggariskan kepentingan infrastruktur yang mampan dan penglibatan komuniti untuk memastikan kejayaan dan pemeliharaan alam sekitar Taman Awam Teluk Likas sebagai destinasi pelancongan ekologi pada masa hadapan.

Katakunci: *ekopelancongan, kelestarian, kepuasan pelancong, pemeliharaan alam semula jadi, pengurusan sisa*

Abstract. This study examines the potential of Taman Awam Teluk Likas, located in Kota Kinabalu, Sabah, as an ecotourism destination, focusing on tourist attraction factors, satisfaction levels with available facilities, and the ecological impact of tourism activities. The research uses a mixed-method approach, combining both quantitative and qualitative data collection methods. The main data collection tool was a structured questionnaire distributed to 50 respondents, including both local and international visitors. The study's findings reveal that the park's natural beauty, particularly the scenic views and biodiversity, serves as the primary draw for tourists. The pedestrian and cycling tracks, alongside food stalls, were identified as key attractions for visitors. Satisfaction levels were high for the facilities provided, particularly the food stalls and location of the park. However, areas such as educational facilities and waste management showed room for improvement. The study also found that ecotourism activities have a positive impact on natural resource conservation but raised concerns over the environmental degradation caused by increased waste, particularly from domestic tourism. The findings highlight the need for improved waste management and better environmental education for visitors. The research emphasizes the importance of sustainable infrastructure and enhanced community involvement to ensure the continued success and environmental preservation of Taman Awam Teluk Likas as an ecotourism hub in the future.

Keywords: *ecotourism, sustainability, tourist satisfaction, natural conservation, waste management*

Pengenalan

Pelancongan adalah satu sektor yang semakin berkembang pesat dan menjadi salah satu penyumbang utama dalam pembangunan ekonomi di banyak negara, termasuk Malaysia. Sektor ini menawarkan pelbagai peluang bagi masyarakat tempatan dan memberi impak besar terhadap ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Taman Awam Teluk Likas, yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah, merupakan salah satu destinasi yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai sektor pelancongan ekologi (ekopelancongan). Pelancongan ekologi merujuk kepada aktiviti pelancongan yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan alam sekitar dan penyertaan komuniti tempatan dalam aktiviti yang lestari. Namun, bagi memastikan pembangunan sektor ini memberi manfaat berterusan, kajian terhadap tahap kepuasan pelancong dan impaknya terhadap persekitaran semula jadi adalah sangat penting. Walaupun taman rekreasi ini popular dalam kalangan penduduk setempat, kajian terhadap aspek tarikan pelancongan serta kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut masih terhad, terutama di Sabah. Sektor pelancongan, khususnya yang berkaitan dengan ekopelancongan, menghadapi pelbagai cabaran dalam hal pengurusan kemudahan, kepuasan pelancong, dan impak terhadap alam sekitar. Taman Awam Teluk Likas, meskipun menjadi destinasi pilihan ramai, menghadapi isu berkaitan kemudahan awam yang masih perlu diperbaiki, termasuk pengurusan sisa domestik dan infrastruktur yang tidak memadai untuk menampung jumlah pelancong yang semakin meningkat. Selain itu, dengan pertumbuhan pesat industri pelancongan, isu alam sekitar seperti pencemaran air, perubahan guna tanah, dan kesan negatif terhadap biodiversiti semakin mencabar daya tarikan taman tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menarik pelancong ke taman ini, menganalisis tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan yang disediakan, serta menilai impak eko-pelancongan terhadap persekitaran semula jadi di Taman Awam Teluk Likas.

Kajian ini dibahagikan kepada tiga objektif utama: (i) mengenal pasti faktor tarikan pelancong ke Taman Awam Teluk Likas, (ii) menganalisis tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan yang disediakan, dan (iii) menilai impak eko-pelancongan terhadap persekitaran semula jadi. Berdasarkan objektif ini, kajian ini cuba menjawab persoalan utama seperti apakah faktor tarikan pelancong ke taman ini, bagaimana tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan yang ada, dan apakah impak yang dibawa oleh sektor ekopelancongan terhadap alam sekitar, khususnya di kawasan Teluk Likas. Untuk mencapai objektif ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan edaran soal selidik kepada pelancong yang berkunjung ke taman tersebut. Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menilai kepuasan pelancong terhadap destinasi pelancongan, dengan menekankan faktor kemudahan, tarikan alam semula jadi, dan aspek infrastruktur. Menurut Weaver (2007), kepuasan pelancong adalah penentu utama bagi kesetiaan terhadap destinasi pelancongan, yang mempengaruhi niat untuk berkunjung semula dan mencadangkan destinasi kepada orang lain. Kajian oleh Astuti dan Saptaria (2021) juga menunjukkan bahawa faktor kemudahan seperti kebersihan, pengangkutan, dan kemudahan rekreasi adalah penting dalam menentukan kepuasan pelancong. Dalam konteks ekopelancongan, kajian oleh Sun dan Watanabe (2021) menyatakan bahawa pembangunan infrastruktur yang mesra alam sangat penting untuk menarik pelancong yang prihatin terhadap alam sekitar. Di Sabah, khususnya, kajian

mengenai impak ekopelancongan di kawasan seperti Semporna (Syaripudin, 2017) menunjukkan bahawa pelancongan ekologi boleh membawa kesan positif kepada pembangunan ekonomi, tetapi juga membawa cabaran terhadap pemeliharaan alam sekitar. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada perancangan dan pengurusan sektor ekopelancongan di Taman Awam Teluk Likas, memastikan ia lebih mesra pelancong dan lestari dari segi alam sekitar.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini dijalankan di Taman Awam Teluk Likas yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah. Sebagai sebuah taman rekreasi awam yang popular dan destinasi pelancongan ekologi yang sedang berkembang, Taman Awam Teluk Likas menawarkan persekitaran yang unik untuk kajian ini, terletak di pesisir pantai Teluk Likas. Kawasan ini mempunyai kedudukan yang strategik, dekat dengan pembangunan bandar dan mudah diakses oleh penduduk tempatan serta pelancong antarabangsa. Taman ini sering menjadi pilihan utama untuk pelbagai aktiviti luar, seperti berjalan kaki, berbasikal, serta aktiviti rekreasi keluarga. Oleh itu, ia menjadi lokasi yang relevan untuk kajian mengenai daya tarikan pelancong, tahap kepuasan pelancong, dan impak ekopelancongan terhadap persekitaran semula jadi. *Rajah 1* menunjukkan lokasi taman ini serta mercu tanda utama di kawasan sekitarnya, manakala *Jadual 1* menyenaraikan ciri-ciri utama taman yang menarik pelancong.

Jadual 1. Ciri-ciri taman awam Teluk Likas yang menarik pelancong.

Ciri-ciri	Penerangan
Keindahan Alam Semula Jadi	Pemandangan laut yang menakjubkan, kawasan pantai, dan landskap hijau yang menyegarkan.
Kepelbagaian Flora dan Fauna	Keanekaragaman tumbuhan dan haiwan yang ada, termasuk spesies flora dan fauna yang endemik di kawasan ini.
Trek Pejalan Kaki dan Berbasikal	Laluan untuk aktiviti rekreasi seperti berjalan kaki dan berbasikal, sesuai untuk aktiviti sihat luar.
Kemudahan Rekreasi	Kawasan berkelah, taman permainan untuk kanak-kanak, serta ruang santai untuk keluarga dan pengunjung.
Gerai Makanan dan Minuman	Penyediaan pelbagai pilihan makanan dan minuman, terutamanya yang berkaitan dengan makanan tempatan.
Aksesibilitas	Lokasi yang strategik, mudah diakses oleh pelancong tempatan dan antarabangsa.
Pemandangan Matahari Terbenam	Tempat yang ideal untuk melihat pemandangan matahari terbenam, menarik pengunjung yang suka fotografi.



Rajah 1. Peta kawasan Taman Awam Teluk Likas.

Bahan yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada data primer dan sekunder. Untuk data primer, kajian ini menggunakan soal selidik yang disusun secara berstruktur serta pemerhatian di lapangan. Soal selidik ini direka untuk mengumpul data kuantitatif daripada 50 responden, termasuk pelancong tempatan dan antarabangsa yang mengunjungi Taman Awam Teluk Likas. Soalan dalam soal selidik ini merangkumi beberapa aspek, termasuk ciri demografi pengunjung, tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan, serta kesedaran mereka mengenai impak ekopelancongan terhadap persekitaran. Selain itu, pemerhatian lapangan turut dilakukan untuk mendokumentasikan keadaan semasa taman, khususnya keadaan alam sekitar, pengurusan sisa, dan penggunaan kemudahan rekreasi yang ada. Bahan sekunder pula diperoleh daripada laporan rasmi Majlis Bandaraya Kota Kinabalu, statistik pelancongan, serta kajian-kajian terdahulu mengenai ekopelancongan di Malaysia, khususnya di Sabah (Bakri et al., 2017). Bahan-bahan ini memberikan asas yang komprehensif untuk menganalisis keadaan semasa Taman Awam Teluk Likas serta potensinya sebagai pusat pelancongan ekologi yang lestari.

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (*mixed methods*), menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Kaedah utama dalam pengumpulan data adalah melalui soal selidik dengan menggunakan skala Likert, yang bertujuan untuk mengukur tahap kepuasan pelancong terhadap pelbagai aspek seperti kualiti kemudahan, kebersihan, dan keseluruhan pengalaman mereka. Soal selidik ini juga merangkumi soalan mengenai impak ekopelancongan, untuk menilai kesedaran pelancong tentang isu-isu pemeliharaan alam sekitar dan sikap mereka terhadap usaha pemuliharaan di taman tersebut. Data yang dikumpul daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* bagi menjalankan analisis statistik deskriptif dan inferensial, termasuk taburan frekuensi, skor min, dan analisis korelasi (Lebar, 2006). Hasil kajian ini akan diterjemahkan untuk mengenal pasti corak dan hubungan antara kepuasan pelancong, kesedaran alam sekitar, dan impak ekopelancongan. Data sekunder yang diperoleh daripada ulasan literatur dan laporan rasmi akan digunakan untuk memberi konteks kepada penemuan, memberikan pandangan tentang cabaran dan peluang dalam membangunkan ekopelancongan yang mampan di Sabah (Weaver, 2007). Pemerhatian lapangan akan melengkapkan pendekatan kuantitatif ini dengan memberikan data kontekstual mengenai infrastruktur taman, kebersihan, dan amalan pengurusan sisa, menawarkan perspektif dunia sebenar mengenai hasil soal selidik yang dikumpulkan.

Proses analisis data akan dilakukan dengan menggunakan kedua-dua kaedah statistik deskriptif dan inferensial untuk mengenal pasti trend, korelasi, dan hubungan yang signifikan dalam data. Statistik deskriptif akan digunakan untuk merumuskan ciri-ciri demografi responden serta persepsi umum mereka terhadap taman ini. Statistik inferensial, terutamanya analisis korelasi, akan digunakan untuk mengkaji hubungan antara kepuasan pelancong dan pelbagai faktor, seperti ketersediaan kemudahan, kebersihan, dan kesedaran alam sekitar. Hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf, yang akan memberikan gambaran yang jelas dan ringkas mengenai data, memudahkan perbandingan antara pembolehubah yang berbeza (Creswell and Creswell, 2005). Data akan dianalisis menggunakan *SPSS*, dan hasilnya akan diterjemahkan untuk menilai kejayaan keseluruhan Taman Awam Teluk Likas sebagai destinasi pelancongan ekologi dan potensinya untuk pembangunan masa depan.

Selain itu, data daripada pemerhatian lapangan akan dibandingkan dengan hasil kajian soal selidik untuk memvalidasi penemuan mengenai impak ekopelancongan dan amalan pengurusan taman, memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan kesimpulan yang diperoleh. Pendekatan gabungan ini membolehkan kajian ini untuk menyediakan pemahaman yang mendalam mengenai peranan taman ini dalam konteks pembangunan pelancongan ekologi Sabah.

Dapatan dan Perbincangan Kajian


Berdasarkan *Jadual 2*, kajian ini melibatkan seramai 50 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi, memberikan gambaran menyeluruh tentang profil pengunjung Taman Awam Teluk Likas. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan (56%) berbanding lelaki (44%), menunjukkan bahawa pengunjung perempuan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi dan ekopelancongan di taman ini. Sebahagian besar responden berada dalam lingkungan umur 26–35 tahun (40%), diikuti oleh golongan 18–25 tahun (32%). Hal ini menunjukkan bahawa taman ini lebih menarik bagi golongan belia dan dewasa muda yang mengutamakan gaya hidup aktif dan rekreasi luar. Selain itu, majoriti pengunjung terdiri daripada pelancong tempatan (76%), manakala pelancong antarabangsa hanya merangkumi 24%. Ini menunjukkan bahawa Taman Awam Teluk Likas berfungsi sebagai destinasi rekreasi yang penting bagi komuniti tempatan dan menjadi lokasi riadah harian yang signifikan bagi penduduk sekitar Kota Kinabalu. Dari sudut tahap pendidikan, majoriti responden memiliki ijazah sarjana muda (40%) dan diploma (28%), mencerminkan bahawa pengunjung taman mempunyai tahap pendidikan yang baik dan berpotensi memberi maklum balas yang berkualiti berkaitan kemudahan dan pengurusan taman. Dari segi kekerapan lawatan, 42% responden merupakan pelawat kali pertama, manakala selebihnya pernah datang sekurang-kurangnya dua kali. Ini menunjukkan bahawa taman ini bukan sahaja menarik minat pengunjung baharu, malah berjaya mengekalkan minat pelawat berulang: satu indikator penting dalam mengukur keberkesanan pengalaman pelancong (Patricia et al., 2020). Tujuan lawatan pula menunjukkan dominasi aktiviti rekreasi (52%) dan riadah/bersenam (28%), yang mengukuhkan kedudukan Taman Awam Teluk Likas sebagai pusat rekreasi mesra komuniti. Peratusan pelawat yang datang untuk fotografi atau menikmati alam semula jadi (14%) juga menunjukkan bahawa elemen visual dan ekologi taman menjadi salah satu tarikan utama. Berdasarkan analisis ini, jelas bahawa demografi pengunjung memainkan peranan penting dalam membentuk pola penggunaan, tahap kepuasan, dan potensi pembangunan ekopelancongan di kawasan ini.

Jadual 2. Demografi responden (N=50).


Pembolehubah demografi	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	22	44%
	Perempuan	28	56%
Umur	18–25 tahun	16	32%
	26–35 tahun	20	40%
	36–45 tahun	9	18%
	46 tahun ke atas	5	10%
Status Pelancong	Pelancong Tempatan	38	76%
	Pelancong Antarabangsa	12	24%
Pendidikan	Sekolah Menengah	8	16%
	Diploma	14	28%
	Ijazah Sarjana Muda	20	40%
	Pascasiswazah	8	16%

Kekerapan Lawatan	Kali pertama	21	42%
	2-3 kali	17	34%
	Lebih 3 kali	12	24%
Tujuan Lawatan	Rekreasi	26	52%
	Riadah / bersenam	14	28%
	Fotografi / alam semula jadi	7	14%
	Lain-lain	3	6%

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Taman Awam Teluk Likas di Kota Kinabalu, Sabah, mempunyai daya tarikan yang signifikan bagi pelancong, terutamanya dari aspek keindahan semula jadi dan kemudahan rekreasi. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada 50 responden, majoriti pelancong menyatakan bahawa faktor keindahan alam semula jadi, terutama pemandangan laut dan keanekaragaman flora dan fauna, merupakan tarikan utama mereka (*Rajah 2*). Responden memberikan skor tertinggi untuk keindahan semula jadi, dengan 52% responden menyatakan bahawa mereka sangat setuju bahawa faktor ini adalah daya tarikan utama mereka untuk mengunjungi taman ini. Selain itu, trek pejalan kaki dan berbasikal juga dinilai sebagai faktor tarikan yang sangat penting oleh 78% responden (*Rajah 3*). Ini menunjukkan bahawa aktiviti luar yang melibatkan rekreasi fizikal menjadi pilihan utama pelancong yang berkunjung ke taman ini. Taman Awam Teluk Likas telah berjaya menarik pelancong dengan keindahan semula jadi dan kemudahan rekreasi yang disediakan, yang seterusnya menggalakkan lebih ramai pelancong untuk melawat dan menikmati pengalaman beriadah di sini.



Rajah 2. Keindahan semula jadi.



Rajah 3. Trek pejalan kaki dan berbasikal.

Tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan

Tinjauan terhadap tahap kepuasan pelancong menunjukkan bahawa kemudahan gerai makanan dan minuman mendapat skor kepuasan tertinggi, dengan 78% responden menyatakan sangat puas dengan kemudahan ini (*Jadual 3*). Pelancong yang berkunjung ke Taman Awam Teluk Likas merasakan bahawa penyediaan pelbagai pilihan makanan dan minuman di gerai-gerai yang ada sangat memenuhi keperluan mereka semasa berkunjung. Ini turut dibuktikan oleh skor min yang tinggi bagi aspek ini (4.68), menunjukkan bahawa kemudahan ini merupakan aspek penting dalam meningkatkan pengalaman pelancong. Selain itu, kemudahan tempat letak kereta (4.26) dan kebersihan persekitaran (3.82) juga mendapat skor yang baik, mencerminkan bahawa pelancong menghargai usaha pihak pengurusan dalam memastikan taman ini bersih dan mudah diakses. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kemudahan seperti kemudahan pendidikan dan pembelajaran yang mendapat skor rendah (min=2.96), menunjukkan bahawa aspek pendidikan mungkin perlu diperbaiki bagi menarik lebih ramai pelancong yang ingin mendapatkan informasi mengenai alam sekitar atau aktiviti rekreasi di taman ini.


Jadual 3. Skor min tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan di taman awam Teluk Likas.

Perkara	Skor min
Kemudahan pendidikan dan pembelajaran	2.96
Kemudahan aduan dan informasi kepada pelancong	3.28
Tahap keselamatan taman rekreasi	3.44
Kemudahan tempat ibadat	3.50
Kemudahan papan tanda / peta lokasi	3.68
Kemudahan rekreasi yang mencukupi	3.82
Kebersihan dan keceriaan persekitaran taman rekreasi	3.82
Kemudahan tandas	3.90
Kemudahan parking	3.94
Kemudahan tong sampah	4.12
Kedudukan dan lokasi taman rekreasi	4.26
Gerai makanan dan minuman	4.68


Impak eko-pelancongan terhadap persekitaran

Salah satu aspek penting yang dikaji dalam kajian ini adalah impak eko-pelancongan terhadap persekitaran semula jadi Taman Awam Teluk Likas. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelancong (86%) bersetuju bahawa ekopelancongan dapat mengekalkan sumber alam semula jadi di taman ini (*Rajah 4*). Sebanyak 42% responden sangat setuju bahawa kawasan ini perlu diwartakan sebagai kawasan pelancongan ekologi untuk memastikan pemeliharaan biodiversiti dan ekosistem yang ada. Ini mencadangkan bahawa pelancong semakin peka dengan kepentingan pemeliharaan alam sekitar semasa mengunjungi destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan beberapa isu yang perlu diberi perhatian, seperti peningkatan jumlah sampah di kawasan taman rekreasi. Sebanyak 48% responden menyatakan bahawa peningkatan jumlah sampah merupakan masalah yang perlu diatasi dengan lebih serius (*Rajah 5*). Terdapat kebimbangan bahawa jumlah pelancong yang semakin meningkat boleh memberi kesan negatif terhadap kebersihan

dan keindahan persekitaran jika pengurusan sampah tidak dilaksanakan dengan lebih efektif.




Rajah 4. Mengekalkan sumber alam semula jadi.



Rajah 5. Peningkatan sampah di kawasan pelancongan.

Kesedaran pelancong terhadap isu alam sekitar

Kajian ini juga menilai tahap kesedaran pelancong mengenai isu alam sekitar yang berkaitan dengan ekopelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa 76% responden menyatakan bahawa mereka sedar akan pentingnya menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar semasa mengunjungi taman ini (Rajah 6). Sebagai contoh, aktiviti pembuangan sisa domestik di taman ini dilihat sebagai penyumbang utama kepada pencemaran air, dengan 60% responden sangat setuju bahawa pembuangan sampah menjadi masalah besar (Rajah 7). Hal ini menunjukkan bahawa pelancong semakin prihatin terhadap amalan pengurusan sisa dan pencemaran yang boleh merosakkan kualiti alam sekitar. Oleh itu, peningkatan kesedaran tentang pentingnya pengurusan sisa yang betul dan pendidikan alam sekitar kepada pengunjung perlu dipertingkatkan untuk memastikan bahawa ekopelancongan di Taman Awam Teluk Likas dapat berkembang secara mampan tanpa memberi kesan negatif terhadap alam sekitar.



Rajah 6. Peningkatan dalam pembangunan infrastruktur mesra alam.



Rajah 7. Pencemaran air disebabkan pembuangan sisa domestik.

Kepuasan dan kualiti infrastruktur

Kualiti infrastruktur di Taman Awam Teluk Likas juga memainkan peranan penting dalam menarik pelancong. Berdasarkan kajian ini, hampir separuh daripada responden (62%) menyatakan kepuasan terhadap kemudahan parkir yang disediakan, dengan skor min=3.94 (seperti di dalam *Jadual 3*). Ini menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan parkir yang mencukupi adalah aspek yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengalaman pelancong berjalan lancar. Walau bagaimanapun, beberapa aspek lain seperti kemudahan tandas (min=3.90) dan kemudahan pendidikan (min=2.96) menunjukkan bahawa ada ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam meningkatkan kemudahan yang lebih berfokuskan pendidikan alam sekitar dan kemudahan yang lebih mesra pelancong. Sebagai destinasi ekopelancongan, peningkatan infrastruktur yang berkualiti dan mesra alam akan memberikan kesan positif terhadap pengalaman pelancong, seterusnya membantu dalam mempromosikan Taman Awam Teluk Likas sebagai destinasi yang lebih lestari dan menarik.

Keberkesanan pengurusan eko-pelancongan

Secara keseluruhannya, keberkesanan pengurusan ekopelancongan di Taman Awam Teluk Likas memerlukan perhatian khusus terhadap isu-isu pengurusan sampah, pembangunan infrastruktur mesra alam, dan pendidikan pelancong mengenai

kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Meskipun terdapat beberapa aspek yang mendapat skor kepuasan yang sangat tinggi, seperti gerai makanan dan minuman serta trek pejalan kaki, isu pencemaran dan pengurusan sisa masih menjadi cabaran utama yang perlu ditangani untuk memastikan kelestarian taman ini sebagai destinasi pelancongan ekologi. Oleh itu, pihak pengurusan perlu memperkenalkan langkah-langkah pemuliharaan yang lebih berkesan, meningkatkan kesedaran pelancong, dan melaksanakan dasar pengurusan yang mesra alam untuk memaksimumkan potensi Taman Awam Teluk Likas sebagai destinasi ekopelancongan yang mampan di masa hadapan (Kozak, 2001; Upchurch dan Teivane, 2000).

Kesimpulan

Kajian ini memberikan wawasan yang mendalam mengenai peranan Taman Awam Teluk Likas sebagai destinasi ekopelancongan di Kota Kinabalu, Sabah, dengan menilai faktor tarikan pelancong, tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan yang disediakan, dan impak ekopelancongan terhadap persekitaran semula jadi. Secara keseluruhannya, Taman Awam Teluk Likas terbukti mempunyai daya tarikan yang kuat, terutamanya dari segi keindahan alam semula jadi dan kemudahan rekreasi yang disediakan, seperti trek pejalan kaki dan berbasikal, serta gerai makanan dan minuman yang mendapat penilaian yang tinggi daripada pelancong (Bakri et al., 2017). Faktor-faktor ini telah memberikan impak positif terhadap pengalaman pelancong, yang turut mencerminkan pentingnya pembangunan infrastruktur yang berkualiti dalam menarik pelancong ke destinasi pelancongan ekologi. Namun, kajian ini juga mendedahkan beberapa isu yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan Taman Awam Teluk Likas, khususnya mengenai pengurusan sampah dan impak negatif yang dihadapi persekitaran semula jadi akibat pembuangan sisa domestik. Sejumlah besar responden menyatakan kebimbangan terhadap pencemaran air dan peningkatan sampah di kawasan tersebut, yang memberi kesan langsung kepada kebersihan dan keindahan alam sekitar (Sun dan Watanabe, 2021). Oleh itu, pengurusan yang lebih sistematik dan kesedaran yang lebih tinggi terhadap kepentingan pengurusan alam sekitar perlu diperkenalkan untuk memelihara kelestarian taman ini sebagai destinasi ekopelancongan.

Selain itu, hasil kajian ini menekankan pentingnya meningkatkan kemudahan pendidikan dan maklumat mengenai pemeliharaan alam sekitar, yang menunjukkan skor kepuasan yang rendah dalam kalangan pelancong (Weaver, 2007). Membangunkan kemudahan ini akan membantu meningkatkan kesedaran pelancong terhadap isu-isu alam sekitar dan menjadikan Taman Awam Teluk Likas sebagai contoh yang lebih baik bagi destinasi ekopelancongan yang bertanggungjawab. Taman ini juga perlu memanfaatkan teknologi, seperti sistem maklumat geografi (GIS), untuk merancang dan meningkatkan infrastruktur pelancongan dengan cara yang lebih mesra alam dan lestari (Bakri et al., 2017). Secara keseluruhan, Taman Awam Teluk Likas mempunyai potensi yang besar untuk berkembang sebagai destinasi pelancongan ekologi yang mampan. Walau bagaimanapun, pembangunan sektor pelancongan ekologi di kawasan ini memerlukan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, pengusaha pelancongan, dan komuniti setempat untuk memastikan bahawa pembangunan ini dilakukan secara berterusan, dengan mengambil kira keperluan alam sekitar, sosial, dan ekonomi. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada perancangan dan pengurusan ekopelancongan yang lebih berkesan di masa hadapan.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Astuti, R., Saptaria, L. (2021): Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Pengunjung Desa Wisata Kebun Bibit Kediri Pada Masa Pandemi Covid 19 KEPUASAN PENGUNJUNG DESA WISATA KEBUN BIBIT KEDIRI PADA MASA PANDEMI COVID 19. – Aksara: Jurnal Ilmu Pendidikan Nonformal 7(3): 1067-1076.
- [2] Bakri, N.F.B., Roslim M.A.A.B.M., Najeeb, H.A.B. (2017): Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk pelancongan di bandaraya Ipoh. – Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial 1(1): 8p.
- [3] Creswell, J.W., Creswell, J.D. (2005): Mixed methods research: Developments, debates, and dilemmas. – Research in Organizations: Foundations and Methods of Inquiry 2: 315-326.
- [4] Kozak, M. (2001): Comparative assessment of tourist satisfaction with destinations across two nationalities. – Tourism Management 22(4): 391-401.
- [5] Lebar, O. (2006): Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod. – Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris 248p.
- [6] Patricia, T.C., Suryawardani, I.G.A.O., Suamba, I.K., Wiranatha, A.S. (2020): Farmers' capacity for Jatiluwih agrotourism management and its effects on tourists' satisfaction and intention to revisit. – E-journal of Tourism 7(1): 1-15.
- [7] Sun, Y., Watanabe, T. (2021): Tourism-related facility development in sagarmatha (Mount Everest) National Park and buffer zone, Nepal Himalaya. – Land 10(9): 20p.
- [8] Syaripudin, N. (2017): Persepsi penduduk tempatan terhadap impak pembangunan ekopelanciongan di Semporna, Sabah. – Universiti Malaysia Sarawak 22p.
- [9] Upchurch, R.S., Teivane, U. (2000): Resident perceptions of tourism development in Riga, Latvia. – Tourism Management 21(5): 499-507.
- [10] Weaver, D. (2007): Sustainable tourism. – Routledge 256p.